

NAMA :

TINGKATAN :



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR MAHARANI, MUAR

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2019

TINGKATAN 1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

1 jam 30 minit

Satu Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **Tiga** bahagian; **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
2. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam **Bahagian A , Bahagian B dan Bahagian C.**
3. Bagi **Bahagian A**, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, **A, B, C dan D.** Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tulis jawapan anda dalam ruangan yang disediakan di muka surat 7.
4. Bagi **Bahagian B**, **tiga** soalan disediakan. **Soalan (1)** merupakan soalan **Sintaksis**. **Soalan (2)** merupakan soalan **subjektif pemahaman petikan** dan **Soalan (3)** merupakan soalan tentang **novel**. Jawab soalan di kertas ujian pad yang disediakan.
5. Bagi **Bahagian C**, **satu** soalan dikemukakan tentang **pemindahan maklumat**.

Bahagian	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	20	
B	25	
C	15	
JUMLAH	60	

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

Haliah binti Mohd Rasol
Guru Matapelajaran
BM Tingkatan 1

BAHAGIAN A
[20 Markah]

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Saya hendak _____ ekspedisi ke Gunung Jerai yang akan diadakan pada minggu depan,"kata Ayuna kepada San Yee.

- A menghadiri
- B menyertai
- C mengawasi
- D mendatangi

2. Kakak _____ tikar mengkuang di ruang tamu rumah nenek setelah dia selesai menyapu sampah.

- A menebarkan
- B membesarkan
- C menerbangkan
- D membentangkan

3. Cerita seram yang akan ditayangkan di pawagam itu bukan cerita _____ semata-mata tetapi diadaptasikan daripada kisah benar.

- A rekaan
- B tiruan
- C buatan
- D gubahan

4. Ketika kami bermain layang-layang di tepi sawah, _____ kami terdengar suara ibu memanggil kami pulang.

- A samar-samar
- B balam-balam
- C nyaris-nyaris
- D sayup-sayup

BAHAGIAN B

[25 Markah]

Soalan 1 (sintaksis)

Tentukan pola ayat dasar berikut sama ada Frasa Nama+Frasa Nama (FN+FN),Frasa Nama+Frasa sendi nama(FN+FS),Frasa Nama+Frasa kerja(FN+FK) dan Frasa Nama+Frasa adjektif (FN+FA)

1. Ibu membeli sepasang kasut baharu berwarna hitam.

2. Surat bersampul merah itu daripada Encik Ahmad.

3. Pewangi keluaran syarikat itu sangat harum baunya.

4. Universti Malaya ialah sebuah universti awam.

5. Pemuda itu pemain badminton negara

[5 markah]